

**YURAN PENGAJIAN KEMASUKAN BAGI SETIAP
PELAJAR STAM DI AIM**

PERKARA	YURAN DIKENAKAN (RM)
Yuran Bulanan	200.00
Pendaftaran Ke- masuk	100.00
Yuran Tahunan	100.00
Yuran Kemasukan Asrama	100.00
Bayaran Sewa Asrama	80.00
JUMLAH BESAR	580.00 (Untuk Bulan Pertama Pendaftaran)

**YURAN PENGAJIAN UNTUK BULAN
SETERUSNYA BAGI SETIAP PELAJAR**


PERKARA	YURAN DIKENAKAN (RM)
Yuran Bulanan	200.00
Bayaran Sewa Asrama	80.00
JUMLAH BESAR	280.00

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI

1. Tuan Haji Ishak Bin Dun - 013-5216689
2. Ustaz Azam Bin Hamzah—0195559695
3. Ustaz Zamri Bin Hashim - 013-5200914

Daftar segera tempat terhad

KEDUDUKAN AKADEMI IKATAN MUSLIMIN



**Daftar Segera
Tempat Terhad**



**AKADEMI IKATAN MUSLIMIN
PERAK**

**No 180 JALAN RAJA DR NAZRIN SHAH
SUNGAI ROKAM 31350 IPOH
PERAK**

TEL & FAX : 05- 7766689

MUQADDIMAH

Pengiktirafan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada tahun 2000 oleh Kementerian Pelajaran telah meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap keesahan dan kemampuan pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut. Pada tahun 2009 ini STAM diiktiraf sama taraf seperti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STAM bukan sahaja berpeluang memasuki IPTA dalam negeri tetapi juga berpeluang cerah untuk menyambung pelajaran di IPT luar negeri seperti Universiti Al-Azhar . Penubuhan Akademi Ikatan Muslimin Perak (AIM) ini adalah merupakan institut tunggal di Perak yang akan mengkhususkan pelajarinya menduduki STAM melalui pendidikan berkonsepkan pra universiti. Menariknya juga institut ini memfokuskan ilmu melalui pembinaan sahsiah muslim melalui pelbagai program yang disusun rapi oleh fasilitator yang berpengalaman

OBJEKTIF

- Melahirkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan luas dalam bidang agama.
- Membekalkan sumber modal insan yang berketrampilan kepada bangsa dan Negara bagi memacu wawasan 2020.
- Memantapkan jatidiri pelajar bagi menghadapi cabaran globalisasi
- Melahirkan pelapis pemimpin masyarakat yang mempunyai ciri-ciri Islam yang sejati.
- Meningkatkan kefahaman Islam dan menghayati nilai-nilai murni di kalangan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN & PROMOSI PROGRAM TAMBAHAN

1. Kelas STAM berjalan setahun bermula bulan Januari 2010 sehingga Disember 2010 untuk sesi pengajian 2009/2010.
2. Bulan Disember 2010 ada program tambahan yang ditawarkan iaitu Kelas **Pengukuhan Bahasa dan Jatidiri Pendakwah**.

MATAPELAJARAN DALAM PENGAJIAN

- S101 – Hifz Al-Qur'an dan Tajwid
- S102 – Fiqh
- S103 – Tauhid dan Mantiq (ilmu akal logik)
- S104 – Tafsir dan Ulumuhu
- S105 – Hadith dan Mustolah
- S106 – Nahu (tatabahasa) dan Sarf
- S107 – Insha' dan Mutalaah
- S108 – Adab dan Nusus
- S109 – 'Arudh dan Qafiyah
- S110 – Balaghah (kesusateraan)

AKTIVITI KO-KURIKULUM

Aktiviti ko-kurikulum adalah melibatkan aktiviti khidmat sosial , latihan kemahiran dakwah , program-program melibatkan perkhemahan yang akan disusun atur oleh pihak AIM dari semasa ke semasa. Aktiviti juga akan melibatkan program bersama badan - badan lain seperti AMAN PALESTIN , PEMBINA dan lain—lain.

KUMPULAN SASARAN

Pelajar-pelajar yang sudah menduduki peperiksaan SPM iaitu dalam lingkungan 18 – 22 tahun tahun. Ia terbuka kepada kelompok pelajar berkecenderungan di seluruh Malaysia.

PENGAMBILAN PERTAMA

70 Orang di kalangan pelajar-pelajar di kalangan pelajar-pelajar lepasan SPM seluruh Malaysia.

SYARAT KEMASUKAN

1. Sudah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
2. Mempunyai minat yang tinggi untuk mengikuti Sijil Tinggi Agama.

KEISTIMEWAAN AIM

1. Tenaga pengajar yang berpegalaman dalam mengendalikan pengajian dan peperiksaan STAM . Berkelulusan dari universiti Al-Azhar , Mesir.
2. Pengajian selama satu tahun .
3. Menyediakan khidmat nasihat ke IPTA/IPTS dalam dan luar negara
4. Pakaian pelajar –pelajar adalah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh AIM iaitu : Menutup aurat, kemas dan bersopan sebagai seorang pelajar muslim dan muslimat .
5. **Skim pinjaman buku Teks STAM**